



**JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN
IRSYAD AL-HUKMI**

**PERKARA: HUKUM WANITA BERHADAS BESAR MENYENTUH, MEMBACA
ATAU MEMBAWA MASHAF AL-QURAN ATAU TAFSIR**

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan mengenai **Hukum Wanita Berhadad Besar Menyentuh, Membaca Atau Membawa Mushaf Al-Quran Atau Tafsir** dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Mashaf al-Quran bermaksud naskhah al-Quran dalam bentuk bertulis tangan atau bercetak manakala tafsir al-Quran iaitu dalam bentuk keterangan, penjelasan atau terjemahan kepada ayat-ayat yang terdapat dalam mashaf al-Quran.
2. Menurut pandangan jumhur ulama, **haram ke atas mana-mana wanita yang berada di dalam keadaan haid menyentuh, membaca atau membawa al-Quran.** Pandangan ini berdasarkan sabda Rasulullah ﷺ;

عن ابن عمر رضي الله عنه قال: قال رسول الله : لا تقرأ الحائض و الجنب شيئاً من القرآن.

Maksudnya: Diriwayatkan oleh Saidina Ibn Umar رضي الله عنه katanya: Sabda Baginda ﷺ; Seorang wanita yang didatangi haid dan seorang yang berada di dalam keadaan junub tidak boleh bagi mereka membaca sedikitpun daripada al-Quran.

(Hadis riwayat al-Imam Abu Daud, Tirmizi, Ibn Majah)

3. Manakala pandangan yang sahih dalam mazhab Syafi'e, **haram menyentuh dan membawa tafsir sekiranya ayat al-Quran lebih banyak dari tafsirnya. Sekiranya kandunagn tafsir lebih banyak daripada ayat-ayat al-Quran, maka hukumnya adalah harus.** Hal ini merujuk pandangan al-Imam al-Nawawi Rahimahullah di dalam kitab al-Majmu':¹

كِتَابُ تَفْسِيرِ الْقُرْآنِ إِنْ كَانَ الْقُرْآنُ فِيهِ أَكْثَرُ كَبَعَضِ كُتُبِ غَرِيبِ الْقُرْآنِ حُرِّمَ مَسُّهُ
وَحَمْلُهُ وَجْهًا وَاحِدًا كَذَا ذَكَرَهُ الْمَاوُزِدِيُّ وَغَيْرُهُ وَنَقَلَهُ الرَّوْيَانِيُّ عَنِ الْأَصْحَابِ وَإِنْ كَانَ
التَّفْسِيرُ أَكْثَرَ كَمَا هُوَ الْعَالِبُ فَفِيهِ أَوْجُهُ أَصْحَحُهَا لَا يَحْرُمُ لِأَنَّهُ لَيْسَ بِمُصْحَفٍ.

¹ Al-Imam Al-Nawawi, Al-Majmu` Syarh al-Muhazzab. Dar al-Fikr, (2/69).

Maksudnya: Kitab tafsir al-Quran, sekiranya pada tafsir itu mengandungi lebih banyak ayat al-Quran seperti sebahagian kitab-kitab gharib al-Quran, maka diharamkan untuk menyentuh dan membawanya pada pendapat yang pertama contohnya pandangan Imam al-Mawardi dan selainnya dan dinaqalkan juga oleh al-Ruyani daripada para sahabat. Namun sekiranya tafsir itu lebih banyak daripada kebiasaannya, maka yang paling sahih daripada beberapa pendapat adalah tidak diharamkan menyentuh, membaca dan membawanya kerana ia bukanlah mashaf.

4. Bagaimanapun, menurut pandangan ulama' Malikiyyah dan Hanbaliyyah, **harus bagi wanita yang berada dalam haidh memegang dan membaca al-Quran** untuk tujuan mengajar dan belajar termasuk golongan hafizah yang sentiasa melazimi al-Quran kerana dibimbangi akan lupa ayat-ayat al-Quran yang telah dihafaz. Hal ini berdasarkan pandangan al-Imam Ibn Qudamah al-Maqdisi di dalam kitab al-Mughni²:

وَيَجُوزُ مَسُّ كُتُبِ التَّفْسِيرِ وَالْفِقْهِ وَغَيْرِهَا، وَالرَّسَائِلِ، وَإِنْ كَانَ فِيهَا آيَاتٌ مِنَ الْقُرْآنِ، بِدَلِيلٍ أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ كَتَبَ إِلَى قَيْصَرَ كِتَابًا فِيهِ آيَةٌ؛ وَلِأَنَّهَا لَا يَقَعُ عَلَيْهَا اسْمٌ مُصْحَفٍ، وَلَا تَثَبُّتٌ لَهَا حُرْمَتُهُ.

Maksudnya: Dan dibolehkan menyentuh kitab-kitab tafsir, fiqh, risalah-risalah yang lainnya walaupun mengandungi ayat-ayat daripada Al-Quran. Hal ini berdalilkan bahawasanya Nabi SAW pernah menulis surat kepada maharaja Rom dan walaupun terdapat ayat Al-Quran, ia tidak dinamakan dengan mushaf dan tidak sabit keharaman padanya.

5. Pandangan ini juga selari dengan mantan Syeikh al-Azhar, Syeikh Jad al-Haq Ali Jad al-Haq yang menyatakan bahawa **harus bagi pelajar wanita yang dalam keadaan haid untuk menghafaz al-Quran dan membacanya atas faktor darurat atau masyaqqah.**
6. Sementara tafsir al-Quran pula, diharuskan kepada mereka yang berhadap untuk menyentuh, membawa dan mengulangkajinya. Namun, kandungan tafsir hendaklah melebihi kandungan ayat al-Quran dan pendapat ini juga sesuai dengan pendapat yang sahih di sisi mazhab Syafi'e.

² Al-Imam Ibn Qudamah al-Maqdisi Al-Mughni. Maktabah al-Qaherah, (1/109).

7. Justeru, Jabatan Mufti Negeri Kedah menasihati kaum wanita yang berada dalam keadaan haid / berhadas adalah lebih baik tidak menyentuh, membaca atau membawa mashaf al-Quran demi menjamin kesucian dan kemuliaan al-Quran terpelihara di samping mengharmonikan kepelbagaian pandangan ulama' dalam isu tersebut. Wallahu a'alam,

Sekian, terima kasih.

Disahkan oleh;



**DATO' PADUKA SYEIKH FADZIL BIN HAJI AWANG,
DPSS., DSDK., AMK., BCK.**

MUFTI NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

Tarikh: 9 Mac 2022 bersamaan 46 Syaaban 1443